

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN KERJA RAYA SEBERANG PERAI TENGAH
PULAU PINANG

OLEH
NOOR AZURA BINTI AHMAD
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100045518

an: 5244

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang
Noor Azura Binti Ahmad.
Judul Laporan industri di
Jabatan kerja raya.

No. Panggilan
L 1
PPE 1
2004

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

CH: 5244

1100045518

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)
5518



LI 9 FPE 1 2004



1100045518

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah Pulau Pinang / Noor Azura Ahmad.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045518

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTENI

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI, JABATAN KERJA RAYA SEBERANG PERAI TENGAH
BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG**

Oleh

**NOOR AZURA BINTI AHMAD
Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


2004

1100045518

PENGESAHAN PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **NOOR AZURA BINTI AHMAD (UK 7178)** mengaku bahawa Laporan Industri ini bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : Noor Azura Binti Ahmad

Tarikh : 14/10/2004

Disahkan oleh :



Penyelia KUSTEM
b / p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
(KUSTEM)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum....

Sebelum meneruskan kata-kata, syukur Alhamdulillah ke hadrat Yang Maha Esa dengan izin dan limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyiapkan Laporan Latihan Industri dengan selengkap dan sebaiknya, juga selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta sahabat baginda sehingga ke hari kemudian.

Terlebih dahulu ingin saya lontarkan ucapan terima kasih ini kepada Pn. Roslina pensyarah Jabatan Ekologi Sosial dan selaku penyelia industri bagi pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana beliau telah memberi tunjuk ajar yang sebaik mungkin dalam menyiapkan laporan ini dan turut memberi panduan kepada saya semasa menjalani latihan industri.

Ucapan penghargaan terima kasih kepada pihak JKRSPT kerana sudi menerima saya sebagai salah seorang pelajar latihan Industri di jabatan ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tersebut kepada semua kakitangan JKRSPT yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan perhatian yang baik terhadap semua pelatih. Ucapan penghargaan khas ditujukan kepada En. Yusuf bin Hassan selaku Jurutera Daerah JKRSPT, En. Abdul Hadi Bin Hj. Ismail selaku panyelia industri, yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan memberi peluang belajar di sini.

Seterusnya penghargaan ini ditujukan kepada ayanda dan bonda En. Ahmad Bin Ramli dan Pn. Samsiah Binti Mahmud, pengorbanan, dorongan dan semangat yang kalian berikan tidak pernah luput dari ingatan. Tidak lupa juga kepada sahabat handai yang telah banyak membantu dan sama-sama berjuang untuk merialisasikan impian masa hadapan...

Sekian, terima kasih....

Wassalam.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kursus latihan industri yang ditawarkan oleh pihak universiti adalah satu pendekatan untuk memastikan supaya pelajar memperoleh pengalaman dan mempraktikkan teori-teori yang dipelajari semasa di bilik kuliah agar dapat diaplikasikan ke alam pekerjaan. Kursus Latihan Industri yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) ini telah mewajibkan pelajar dari Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial, Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Latihan Industri yang dijalankan adalah selama 12 minggu iaitu daripada 22 Mac 2004 hingga 12 Jun 2004.

Latihan Industri dijalankan di Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah (JKRSPT), Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Semasa pelatih menjalani latihan di JKRSPT pelatih telah berjaya mengenalpasti sistem sedia ada dan masalah yang wujud di JKRSPT. Selain itu pelatih turut menyatakan cadangan untuk menyelesaikan masalah yang timbul tadi dan mengupas dengan lebih lanjut lagi cadangan yang dinyatakan dengan membuat analisa terhadap punca masalah dan implikasi terhadap cadangan yang diberikan. Misalnya mencadangkan agar menukar sistem pengurusan fail daripada cara manual kepada komputer agar pengurusannya lebih cekap dan memahirkan pekerja dengan mengadakan kursus komputer dalam jangka waktu yang terdekat. Selain itu pelatih juga mencadangkan supaya menggunakan mesin perakam waktu yang lebih fleksibel iaitu secara elektronik yang melibatkan pengimbasan cap jari untuk merakam waktu kerja, yang dikenali sebagai mesin perakam waktu '*finger flex*'. Seterusnya pelatih juga mencadangkan agar mewujudkan satu sistem kad kedatangan pekerja kursus kepada pekerja yang terlibat dengan kerja di luar pejabat. Bagi sistem maklumat yang lapuk pula, pelatih mencadangkan agar pihak Jawatankuasa IT agar lebih peka terhadap maklumat terkini dan mempelbagaikan lagi sistem maklumat iaitu secara bercetak seperti risalah atau majalah bulanan.

Pelatih telah membuat analisis terhadap semua punca masalah dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut di dalam bahagian analisis dan implikasi cadangan.. Kesimpulannya, pelatih telah berjaya membawa pulang pengalaman alam pekerjaan dan pengetahuan mengenai selok belok pengurusan pentadbiran di JKRSPT.